

KHUTBAH JUMAAT

“AMANAH DIJAGA, NEGARA TERPELIHARA”

(31 Julai 2026M/ 16 Safar 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Orang yang bertakwa adalah mereka yang sentiasa memelihara hubungannya dengan Allah, menunaikan amanah dengan penuh keikhlasan, berusaha meninggikan syiar Islam dan memberikan manfaat kepada masyarakat serta negara. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: “**Amanah Dijaga, Negara Terpelihara.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada hari ini, 31 Julai, seluruh negara memperingati Sambutan Hari Pahlawan, iaitu hari yang dikhususkan bagi mengenang jasa dan

pengorbanan anggota Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta seluruh pasukan keselamatan yang telah berjuang mempertahankan kedaulatan negara.

Sesungguhnya, di sebalik keamanan yang kita nikmati, ada titisan darah yang gugur. Di sebalik kibaran Jalur Gemilang yang megah, ada air mata seorang ibu yang kehilangan anak. Di sebalik senyuman rakyat yang hidup aman, ada seorang isteri yang merelakan suaminya berjuang tanpa pasti akan kembali, dan di sebalik laungan kemerdekaan, ada para pahlawan yang pulang hanya dengan jasad tanpa nyawa. Mereka tidak meminta dikenang setiap hari. Mereka tidak mengharapkan sanjungan. Mereka hanya mahu negara dan generasi selepas mereka hidup dalam keadaan aman yang berkekalan.

Justeru, khatib mengajak seluruh jemaah untuk mendoakan agar Allah *subhanahu wata'ala* merahmati mereka yang telah kembali ke rahmatullah, menerima segala pengorbanan mereka sebagai amal kebajikan serta mengurniakan kekuatan dan perlindungan kepada semua yang masih meneruskan tugas menjaga keselamatan negara.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Hari Pahlawan bukan sekadar mengajak kita mengenang sejarah. Ia juga mengajak kita bermuhasabah tentang kehidupan kita pada hari ini. Apakah sebenarnya sifat yang menjadikan seseorang itu mulia di sisi Allah *subhanahu wata'ala*? Apakah yang menyebabkan Allah

subhanahu wata'ala sendiri menyebut nama dan memuji golongan tertentu dalam al-Quran? Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab ayat 23:

مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُمْ مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُ
وَمِنْهُمْ مَّن يَنْتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا (٢٣)

Maksudnya: *Di antara orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun.*

Perhatikan dengan teliti ayat ini. Allah *subhanahu wata'ala* tidak memuji mereka kerana keberanian mereka atau kerana kedudukan mereka atau kerana kemasyhuran mereka semata-mata. Sebaliknya, Allah *subhanahu wata'ala* memuji mereka kerana mereka benar dan setia terhadap janji yang telah mereka ikat dengan Allah *subhanahu wata'ala*.

Inilah asas kepada setiap pengorbanan yang diberkati. Apabila hati seseorang telah setia kepada Allah *subhanahu wata'ala*, maka amanah akan dipikul dengan penuh tanggungjawab. Tugas akan dilaksanakan dengan ikhlas. Pengorbanan akan dilakukan bukan kerana pujian manusia, tetapi kerana mengharapkan keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap kita mempunyai amanah yang berbeza-beza. Seorang anggota tentera memikul amanah mempertahankan kedaulatan negara. Seorang anggota polis memikul amanah menjaga keamanan masyarakat. Seorang guru memikul amanah mendidik generasi. Seorang doktor dan jururawat memikul amanah menjaga nyawa manusia. Seorang penjawat awam memikul amanah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Seorang peniaga memikul amanah berlaku jujur dalam urusan niaga. Dan seorang ayah dan ibu memikul amanah membimbing keluarga menuju keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Mungkin amanah yang dipikul berbeza, tetapi ukuran Allah *subhanahu wata'ala* tetap sama. Adakah amanah itu ditunaikan dengan jujur, bersungguh-sungguh dan penuh rasa tanggungjawab? Inilah yang membezakan antara sekadar melaksanakan tugas dengan benar-benar berkhidmat kerana Allah *subhanahu wata'ala*. Ramai orang mampu bekerja apabila dipantau. Tetapi orang yang beriman akan tetap amanah walaupun tiada siapa melihatnya kerana dia yakin bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sentiasa melihat setiap perlakuannya.

Kadangkala kita menyangka bahawa mempertahankan negara hanya berlaku di sempadan. Hakikatnya, negara dipertahankan setiap hari melalui amanah yang dilaksanakan oleh rakyatnya. Apabila seorang guru masuk ke bilik darjah dengan persediaan yang baik, apabila seorang doktor merawat pesakit dengan penuh ihsan,

apabila seorang anggota penguat kuasa menolak rasuah walaupun mempunyai peluang, apabila seorang peniaga berlaku jujur dalam timbangan dan harga, dan apabila seorang ayah pulang ke rumah lalu meluangkan masa mendidik anak-anaknya mengenal Allah, membaca al-Quran dan mencintai akhlak yang mulia. Mengapa? Kerana negara yang kukuh tidak hanya dibina dengan bangunan yang tinggi atau senjata yang canggih. Negara menjadi kuat apabila rakyatnya memiliki akhlak yang baik dan amanah yang tinggi.

Justeru, Hari Pahlawan mengingatkan kita bahawa kekuatan sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada kelengkapan pertahanan atau kecanggihan teknologi. Negara juga menjadi kuat apabila rakyatnya jujur, pemimpinnya amanah, penjawat awamnya berintegriti, peniagaanya tidak menipu, ibu bapa mendidik anak-anak dengan penuh tanggungjawab dan apabila setiap Muslim melaksanakan amanahnya kerana Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Allah memuliakan orang yang setia kepada janji dan amanah, bukan semata-mata kerana kedudukan atau kekuatannya.

Kedua: Mempertahankan negara ialah tanggungjawab bersama yang bermula dengan melaksanakan amanah dalam keluarga, pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat.

Ketiga: Menghargai jasa para pahlawan hendaklah diterjemahkan dengan menjadi rakyat yang berintegriti, berdisiplin, menjauhi rasuah serta memelihara perpaduan demi kesejahteraan negara.

Mudah-mudahan Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang sentiasa benar terhadap janji, amanah dalam tanggungjawab dan istiqamah berkhidmat demi agama, bangsa dan negara.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 154:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ ۚ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela Ugamma Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyedarinya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa pada masa akan datang.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala

wabak dan bala yang menganngu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.